

01 JUN 2001

Mahathir-G15

SIDANG KEMUNCAK G15 DI JAKARTA MENCAPAI HASIL

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang berlangsung di Jakarta mencapai hasil dengan negara anggota kini lebih serius ingin menangani masalah negara-negara membangun.

Perdana Menteri berkata sidang kemuncak selama dua hari itu juga bersetuju supaya satu badan ditubuhkan bagi menyelaras segala tuntutan dan persetujuan yang dicapai dalam sidang kemuncak itu.

"Presiden Chavez (Hugo Chavez) dari Venezuela yang akan jadi tuan rumah persidangan G15 tahun depan, ditugaskan untuk menubuhkan satu badan yang boleh menyelaras penyelesaian semua tuntutan," katanya pada sidang media di Subang dekat sini sekembalinya dari menghadiri sidang kemuncak G15 di Jakarta.

G15 yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Dr Mahathir berkata sidang kemuncak selama dua hari itu juga berlangsung dengan baik di sebalik masalah keselamatan di beberapa kawasan tertentu di Jakarta.

Pada hari pertama sidang kemuncak G15 itu berlangsung di Pusat Konvensyen Jakarta, beribu-ribu penunjuk perasaan terutama penyokong Presiden Abdurrahman Wahid berarak dan berkumpul di perkarangan Parlimen, yang jaraknya hanya beberapa ratus meter dari pusat konvensyen.

Tunjuk perasaan oleh penyokong Presiden Indonesia itu mendesak Abdurrahman mengisytiharkan darurat dan menggantung Parlimen berikutan keputusan Dewan Perwakilan Rakyat meluluskan proses mendakwanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga sempat mengadakan mesyuarat Kumpulan Lima Negara (G5), iaitu satu badan yang ditugaskan oleh Kumpulan 77 Negara Membangun (G77) bagi merangka satu cadangan bagaimana hendak menjadikan G77 sebagai badan yang berkesan.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dua hala dengan Abdurrahman serta Perdana Menteri Mesir Atef Ebeid dan Perdana Menteri Jamaica James Patterson.

Selain itu, Dr Mahathir berkata beliau turut berkesempatan mengadakan pertemuan dan dialog dengan rakyat, pelajar Malaysia di Indonesia serta syarikat Malaysia yang beroperasi di Jakarta.

"Saya gembira Petronas mempunyai pejabat di Jakarta dan Petronas sedang mengadakan kerjasama yang erat dengan Pertamina (syarikat minyak Indonesia) dan sedang mencari gali di perairan Indonesia," katanya.

-- BERNAMA

HS HS RON